**Penganugerahan pingat** MS 14 & 15



**Kembali!** MS 5 & 28




PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

OGOS 1-15, 2018

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Misi negeri pintar, bertaraf antarabangsa

## tumpuan pertumbuhan ekonomi libat transformasi digital

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **OH CHIN ENG**




**KETUA Menteri ketika berada di konti bagi siaran langsung bicarawara eksklusif bersama-sama MUTIARAfm di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang mampu memainkan peranan sebagai sebuah hab berteknologi tinggi di wilayah utara sekiranya transformasi digital dan penambahbaikan infrastruktur dilaksanakan dengan teliti sejajar dengan hasrat menjadi negeri pintar serta bertaraf antarabangsa.

Keyakinan itu disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang menyifatkan Pulau Pinang kini berada di landasan tepat untuk membawa negeri ini ke tahap yang lebih baik pada masa hadapan.

"Pastinya, Kerajaan Negeri hari ini akan meneruskan misi untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang pintar dan bertaraf antarabangsa, dan pada masa sama, tumpuan harus diberikan terhadap pertumbuhan ekonomi melibatkan transformasi digital.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) juga akan mempergiatkan usaha ke arah Revolusi Industri 4.0 yang perlu diterapkan dalam setiap sektor di negeri ini sekaligus mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah hab berteknologi tinggi terpenting di wilayah utara ini," ujarnya ketika ditemu bual wakil Jabatan Penyiaran di Ibu Pejabat RTM Pulau Pinang di sini 23 Julai lalu.

Menurut Kon Yeow, apabila Pulau Pinang mampu berperanan sebagai hab berteknologi tinggi, secara tidak langsung ia akan memberikan impak positif terhadap pembangunan di negeri ini.

"Peluang pekerjaan akan tercipta, rakyat juga dapat menikmati pendapatan tinggi, dan yang paling penting adalah kebergantungan terhadap warga asing dapat dikurangkan.

"Begitu juga apabila kita (Kerajaan Negeri) menambah baik infrastruktur, maka ketersambungan *(connectivity)* dapat ditingkatkan. Contohnya, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), sekiranya diperbesarkan, maka ia akan menggalakkan kemasukan pelabur luar dan juga pertambahan penerbangan pergi balik yang akan merancakkan lagi pembangunan di negeri ini.

"Hal ini kerana, *survival* ekonomi Pulau Pinang adalah bergantung kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan, sekiranya transformasi digital berjaya diselaraskan maka produktiviti juga akan bertambah," katanya yang turut berpendapat bahawa kemudahan jaringan telekomunikasi juga perlu ditingkatkan.

Tambah beliau, sebagai sebuah kerajaan, pihaknya perlu menyediakan rakyat Pulau Pinang untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

"Apalah makna pembangunan kini sekiranya rakyat tidak dapat menikmatinya nanti.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) akan pastikan pembangunan menyeluruh *(inclusiveness)* supaya bukan sahaja dapat menyediakan rakyat untuk hadapi cabaran masa depan, tetapi juga menyediakan anak-anak (generasi kini) untuk masa hadapan," ujarnya.

Terdahulu, Kon Yeow hadir ke ibu pejabat RTM Pulau Pinang bagi bicarawara eksklusif bersama-sama MUTIARAfm.

Selain berkongsi latar belakang keluarga dan pendidikan, beliau turut berkongsi makanan kegemaran dan penglibatan beliau dalam dunia politik bersama-sama DJ ABI dan DJ Mimie.

# Ketua Menteri terima ucapan tahniah Panglima Markas Briged Ke-6 Infantri

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**TAHNIAH...** Panglima Markas Briged Ke-6 Infantri Malaysia, Briged Jeneral Datuk Abdul Aziz Ismail baru-baru ini mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di pejabatnya dekat Komtar.

Abdul Aziz hadir bagi menyampaikan ucapan tahniah di atas pelantikan Kon Yeow sebagai Ketua Menteri yang baharu.

Turut hadir, Setiausaha Jawatankuasa Pendokong Askar Wataniah (JAKPAW) Negeri Pulau Pinang, Leftenan Kolonel Hormat, Datuk Yaacob Md. Saad.

Pertemuan hampir 30 minit tersebut merupakan yang pertama antara kedua-dua pemimpin itu.

Abdul Aziz kemudiannya turut menyampaikan cenderahati berupa kapak kecil yang membawa simbol Briged Ke-6 Infantri Malaysia kepada Kon Yeow.



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Abdul Aziz Ismail sebagai meraikan pertemuan pertama antara kedua-dua pihak di sini baru-baru ini.**

## Tiada syarat khas, semua ADUN pembangkang dapat peruntukan – KM

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, tiada syarat khas ditetapkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berhubung pemberian peruntukan tahunan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang.

"Tetapi, sekiranya kita berputus asa, maka susah untuk rakyat menerima," ujarnya yang juga pernah bergelar wakil rakyat pembangkang di Dewan Rakyat pada penggal lalu.

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), Pakatan Harapan Pulau Pinang memenangi 37 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala tiga kerusi lagi dimenangi pembangkang iaitu dua kerusi Barisan Nasional (BN) dan PAS (1).

Jelasnya, seperti ADUN-ADUN Pakatan Harapan lain, ADUN pembangkang perlu menyediakan dokumen sokongan dan sebut harga bagi setiap perbelanjaan peruntukan yang diberikan sebagaimana diamalkan dalam pentadbiran kerajaan.

"Kita (Kerajaan Negeri) sebenarnya telah menyediakan peruntukan tahunan kepada wakil rakyat pembangkang, namun, masa lampau, mereka (pembangkang) tidak mahu menerima peruntukan ini kerana menyangka 'ada udang di sebalik batu'.

"Sedangkan peruntukan yang diberikan itu adalah usaha murni Kerajaan Negeri agar mereka (pembangkang) dapat menjalankan program atau melakukan kerja-kerja pembaikan kecil di kawasan masing-masing.

"(Dan) pada penggal ini pun, kita (Kerajaan Negeri) juga menyediakan peruntukan sama dan berharap agar mereka (pembangkang) dapat menerimanya demi kebajikan para pengundi," katanya ketika disoal wartawan RTM Pulau Pinang sejurus bicarawara eksklusif MUTIARAfm di sini 23 Julai lalu.

Apabila ditanya berhubung usaha yang dilakukan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan wakil rakyat pembangkang, Kon Yeow menyatakan bahawa ADUN-ADUN pembangkang juga harus menilai corak operasi dan strategi untuk dekati rakyat.

"Mereka (pembangkang) perlulah memainkan peranan sebagai *check and balance* yang positif, dan saya percaya para pengundi dapat menilainya.




Oleh: **ME**

# Janji Manifesto 'Perumahan Untuk Semua' berjaya dilunaskan – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bergambar kenangan sambil menunjukkan salinan cetakan Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Menjelang 73 hari pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), Kerajaan Negeri berjaya melunaskan janji-janji yang terkandung bawah 'Perumahan Untuk Semua' di dalam Janji Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Perkara itu dinyatakan sendiri Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pada sidang media di sini 20 Julai lalu.

Menurut beliau, pada aspek pembekalan rumah di Pulau Pinang, seperti yang terkandung dalam manifesto, sebanyak 75,361 unit perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik dijanjikan akan dibina.

"Namun, selepas PRU14, rekod yang diberikan oleh Bahagian Perumahan menunjukkan 80,604 unit perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik akan ditawarkan kepada rakyat mencakupi 28,442 unit yang telah siap dibina, sedang dibina (22,065) dan telah diberikan kelulusan untuk dibina (30,097). Hal ini menunjukkan bahawa dalam aspek pembekalan rumah, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah tunaikan.

"Selain pembekalan rumah, aspek kedua iaitu penyelenggaraan juga telah ditunaikan apabila sejak 2013 sehingga Julai 2018, sebanyak 162 permohonan telah diluluskan dengan kos mencecah RM23.33 juta merangkumi 267 projek penyelenggaraan pelbagai, dan pada masa sama, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan meneruskan program di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP)," ujarnya.

Apabila ditanya mengenai Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M), Jagdeep berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan bersama-sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin di Putrajaya baru-baru ini berhubung isu berkaitan.

"(Dan) beliau (Menteri) berjanji, pihaknya akan meneruskan inisiatif tabung penyelenggaraan tersebut meskipun Perdana Menteri, Tun Dr. Mahatihir Mohamad membuat saranan agar ia dijenamakan semula.

"Beliau (Menteri) juga akan menyemak status permohonan terdahulu yang masih belum diluluskan untuk negeri Pulau Pinang, iaitu baki daripada 143 permohonan dan pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sendiri telah mengesahkan bahawa sejak 2016, tidak ada satupun permohonan diluluskan untuk Pulau Pinang,'' katanya.

Bagi janji manifesto untuk membina projek perumahan awam untuk disewa, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun berbincang dengan Menteri berwajib supaya dua projek perumahan rakyat di Mak Mandin, Butterworth dan Kampung Tok Subuh, Simpang Ampat di bawah seliaan Kerajaan Persekutuan diberikan kepada Kerajaan Negeri.

"Di Mak Mandin, terdapat 70 unit dan di Kampung Tok Subuh 231 unit siap dibina, justeru, kita (Kerajaan Negeri) memohon supaya ia diberikan kepada kita dengan syarat kita akan menggunakan kaedah sewa dan beli.

"Kaedah sewa dan beli ini akan membolehkan rakyat berpendapatan rendah (akhirnya) akan memiliki rumah dengan kadar sewaan yang minimum, dan secara prinsipnya, Menteri (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) iaitu Zuraida telah bersetuju.

"(Dan) sekiranya ia dipersetujui kelak, maka janji-janji Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam Manifesto PRU14 bagi perumahan untuk semua sudah ditepati dan ditunaikan...saya yakin!" tegasnya yang turut berharap agar kaedah sewa dan beli berkenaan mampu menyelesaikan masalah kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi.

Sebagai rekod, Pakatan Harapan Pulau Pinang telah berjanji untuk menyediakan 75,361 unit perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik termasuk meneruskan TPM80PP dan penyelenggaraan di semua skim perumahan awam serta membina projek perumahan rakyat untuk disewakan.

## Pulau Pinang hasrat dapatkan pinjaman mudah Pusat laksana LRT, PIL1 serentak - KM

**GEORGE TOWN -** Walaupun Kerajaan Pusat dikekang dek hutang Persekutuan yang terlalu tinggi, Kerajaan Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang berhasrat mendapatkan RM1 bilion pinjaman mudah bagi pembiayaan kerja-kerja awalan dua komponen projek utama di bawah Pelan Induk Pengangkutan (TMP) di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pihaknya berhasrat melaksanakan projek jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) George Town ke Bayan Lepas serta pintasan Lebuh Raya Pan Island Link 1 (PIL1) merentasi Bukit Bendera ke Paya Terubong dan Sungai Ara secara serentak, dijangka tahun depan, selepas memenuhi semua kelulusan berwajib daripada agensi Persekutuan.

"Selepas pilihan raya, memandangkan pihak Kerajaan Negeri mahu melaksanakan projek dengan serentak, maka PDP (rakan pelaksana projek iaitu Konsortium SRS) pun memikirkan suatu cara, kalau boleh mendapatkan suatu pinjaman awal RM1 bilion, maka kedua-dua komponen itu iaitu LRT dan PIL(1) dapat dilaksanakan serentak.

"Kalau tidak, mereka (PDP) hanya mampu melaksanakan satu demi satu, (dengan) satu projek memakan masa lima hingga enam tahun.

"Masih belum memohon (pinjaman mudah daripada Kerajaan Persekutuan), mesti dibentangkan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri dan mendapat kelulusan terlebih dahulu," jelasnya pada sidang media 22 Julai lalu di sini.

Sebelum itu, Kon Yeow menyampaikan ucapan pembukaan dalam Sesi Taklimat Khas Kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) & Ahli Parlimen bagi Pelaksanaan TMP Pulau Pinang.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari dan Pengarah Projek SRS Consortium Sdn. Bhd., Szeto Wai Loong.

Pengarah Eksekutif Kanan Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd., Datuk Zarul Ahmad Zulkifli, iaitu pemaju projek tiga pintasan lebuh raya dan terowong bawah dasar laut turut serta sesi dialog tertutup tersebut.

Menjawab soalan pemberita lagi, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya akan tetap memenuhi segala syarat kelulusan yang diperlukan oleh agensi-agensi Persekutuan bagi kelulusan tiap-tiap komponen projek di bawah TMP ini, serta kelulusan untuk kerja-kerja tebus guna tanah laut di selatan pulau, walaupun Kerajaan Persekutuan telahpun berpindah tangan kepada PH pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu.

Tambahnya, setakat ini, model kewangan bagi membiayai kira-kira RM47 bilion kos keseluruhan projek TMP termasuk LRT dan PIL1, adalah melalui kerja-kerja penambakan laut di selatan pulau.

Sekiranya kerja-kerja tanah dapat dilaksanakan mengikut jadual pada awal tahun 2019, jelas Kon Yeow, semua projek komponen di bawah TMP tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh kira-kira 10 tahun.

# Tender pembaikan Rumah Tetamu Seri Teratai dibuka selepas selesai kerja penilaian

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



RUPA bentuk Rumah Tetamu Seri Teratai.

**GEORGE TOWN –** Rumah Tetamu Seri Teratai dekat Jalan Macalister, di sini kini dalam proses penilaian oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang sebelum kerja-kerja pengubahsuaian dapat dimulakan, kata Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Beliau berkata, pihak JKR kini sedang meneliti kerja-kerja pembaikan dan penggantian yang perlu dilakukan sebelum mereka mengeluarkan spesifikasi kerja serta anggaran kos bagi membolehkan tender terbuka dilaksanakan.

"Oleh sebab Ketua Menteri menyatakan kesudian beliau dan keluarga untuk tinggal di sini, maka saya mengadakan lawatan untuk menyemak dan meneliti cadangan oleh JKR supaya dilakukan beberapa kerja pembaikan yang sesuai dengan mengambil kira sumber kewangan Kerajaan Negeri yang terhad.

"Jadi kita (pentadbiran negeri) cuma akan lihat apa yang perlu dilakukan berdasarkan cadangan oleh JKR seperti penggantian langsir, peralatan pendingin hawa, pendawaian elektrik dan beberapa pengubahsuaian lain yang dirasakan sesuai dengan mengambil kira sumber kewangan Kerajaan Negeri yang terhad," ujarnya pada sidang media sempena lawatan ke kediaman berkaitan di sini 26 Julai lalu.

Farizan memaklumkan, kali terakhir kerja-kerja pengubahsuaian Seri Teratai dilakukan adalah sebelum Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menduduki kediaman berkenaan pada tahun 2002.

"Selepas Tuan Yang Terutama berpindah ke Seri Mutiara, Seri Teratai kembali kosong dan dijadikan rumah tetamu untuk menempatkan tetamu Kerajaan Negeri.

"(Dan) Memandangkan ini (Seri Teratai) aset Kerajaan Negeri, maka kita lakukan kerja-kerja penyelenggaraan kecil kerana tidak ada kerosakan utama dikenal pasti.

"Berdasarkan rekod, kita hanya membelanjakan sebanyak RM145,000 untuk kerja-kerja selenggara iaitu RM89,000 diperuntukan oleh Kerajaan Negeri dan RM56,000 oleh JKR pada tahun 2008 hingga 2009," jelasnya.

Ketika ditanya berkenaan tempoh masa bagi kerja-kerja pengubahsuaian, Farizan berkata, perkara itu akan ditentukan berdasarkan spesifikasi kerja yang akan dikeluarkan oleh pihak JKR.

"Terlalu awal untuk maklumkan tempoh masa tetapi apabila tender dikeluarkan nanti, kita akan nyatakan tempoh kerja perlu disiapkan," katanya.



**FARIZAN Darus (kiri sekali) membuat pemeriksaan terhadap salah satu siling yang memerlukan perhatian pada lawatannya di sini baru-baru ini.**

# Rancangan ganti kabel elektrik Zon Perindustrian Bayan Lepas harap dipercepatkan

**BAYAN LEPAS -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap rancangan Suruhanjaya Tenaga bagi menggantikan kabel-kabel sedia ada di Zon Perindustian Bayan Lepas adalah elok dipercepatkan, supaya bekalan tenaga senantiasa mencukupi bagi menampung keperluan industri berkapasiti tinggi yang kian berkembang pesat di sini.

"Suruhanjaya Tenaga boleh mempercepat penggantian kabel-kabel ke kawasan industri, dengan tidak ada kacau ganggu bekalan tenaga dapat dijamin, adalah penting.

"Pada masa akan datang, dengan perkembangan industri ini, kita juga mengharapkan bekalan tenaga elektrik secara berterusan adalah berada pada tahap yang lebih baik lagi," jelasnya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Istiadat Konvokesyen Graduan German Dual Vocational Training (GDVT) di Auditorium Kompleks Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dekat Bayan Lepas pada 28 Julai lalu.

Turut berucap, Pemangku Majlis Pengurusan PSDC, Datuk Teh Yong Khong.

Pengarah Bahagian Penyelaras Bumiputera Pulau Pinang, Unit Penyelaras Pelaksana (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Asuat Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif PSDC, Muhamed Ali Hajah Mydin turut sertai sidang media berkaitan.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong memberitahu, Suruhanjaya Tenaga sebelum ini antara lain menjelaskan bahawa kerja-kerja penggantian kabel elektrik di Zon Perindustrian Bayan Lepas dijangka mengambil masa kira-kira enam tahun.

# Pembesaran PIA, Kerajaan Negeri sedia dan ingin kerjasama dengan Pusat

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengalu-alukan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas dapat dilaksanakan segera.

Menurut beliau, melalui jawapan bertulis yang diterima pada sesi Dewan Rakyat 23 Julai lalu, Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang merancang untuk melaksanakan *terminal optimization* bagi mengurangkan kesesakan penumpang terutama ketika waktu puncak sebagai langkah mitigasi jangka pendek.

"Dalam jawapan bertulis yang saya terima, Kementerian Pengangkutan mengakui bahawa PIA yang ada kini direka untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun.

"Namun, jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2017 mencapai 7.2 juta penumpang iaitu 111 peratus daripada kapasiti sedia ada dan Kerajaan (Persekutuan) menyatakan komitmen bagi menyelesaikan masalah kapasiti di PIA dengan mengambil langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang," ujarnya pada sidang media di sini 25 Julai lalu.

Jelas Kon Yeow, buat masa ini, MAHB masih dalam proses penyediaan dokumen tender bagi melantik kontraktor dan kerja-kerja pengubahsuaian akan mengambil masa sehingga lima bulan untuk siap pada Februari 2019.

Sebagai langkah panjang pula, beliau menyatakan, MAHB mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 6.5 juta penumpang setahun (mppa) kepada 12 mppa.

"(Dan) pihak MAHB sedang melaksanakan proses lantikan juruperunding yang dijalankan melalui proses tender terbuka.

"Segala perincian kos keseluruhan projek pembesaran PIA adalah tertakluk kepada kajian terperinci yang akan dilaksanakan oleh juruperunding dilantik mengikut kaedah pembiayaan dipilih," katanya merujuk kepada jawapan bertulis diterima.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, buat masa ini, pertambahan bilangan penumpang adalah pada kadar 10 peratus setiap tahun, dan berharap agar projek pembesaran PIA ini dapat melibatkan Kerajaan Negeri juga.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia dan ingin memberi kerjasama dalam projek pembesaran PIA ini, tambahan pula Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga telah memperoleh tanah di kawasan sekitar lapangan terbang melalui pengambilan tanah masa lalu.

"Jadi saya harap, pihak MAHB dapatlah menghubungi Kerajaan Negeri atau PDC untuk sama-sama merealisasikan pembesaran PIA ini. Ini kerana, dengan kadar penumpang yang bertambah setiap tahun menjadikan keadaan ini adalah amat mendesak (untuk projek pembesaran itu)," ujarnya yang bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan MAHB.

# Tunai janji Manifesto, Kerajaan Negeri naik taraf lampu LED dan CCTV

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri kini ke arah menunaikan dua daripada 68 janji dalam Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang pada Pilihanraya Umum ke-14 (PRU14) lalu, kata Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Jelasnya, satu daripada manifesto berkenaan adalah janji Kerajaan Negeri untuk memasang 20,000 unit lampu LED *(Light Emitting Diode)* menjelang tahun 2020.

"Untuk tujuan ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang menyelenggara sebanyak 16,636 tiang lampu jalan yang mana daripada jumlah ini sebanyak 7,135 telah siap dipasang LED dan bakinya (9,501) akan siap Mei 2019.

"Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula adalah sebanyak 12,376.

"Kerja-kerja pemasangan dan penggantian akan dimulakan bulan ini (Julai), dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2020," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan, pihaknya juga telah berjaya mendapatkan kerjasama daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menukar semua lampu jalan di bawah penyelenggaraannya dalam bentuk LED.

"Di bahagian pulau, TNB telah beri komitmen untuk mengganti sebanyak 3,450 lampu kepada LED (tahun ini), manakala 8,280 (tahun 2019), 4,832 (tahun 2020) yang membawa kepada jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 16,562.

"Manakala di Seberang Perai pula, kita yakin mereka (TNB) akan melakukan perkara yang sama dengan menukar 45,279 tiang lampu," jelasnya sambil menambah bahawa jumlah keseluruhan bagi kawasan pulau adalah sebanyak 33,198 dan hampir 58,000 (Seberang Perai).

Difahamkan, tahun lalu, MBPP membelanjakan sebanyak RM6 juta untuk tujuan pembayaran bil elektrik manakala MPSP (RM7 juta), dan pemasangan ini dapat menjimatkan hampir 60 peratus daripada kos tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep memaklumkan bahawa satu lagi janji manifesto akan turut ditunaikan iaitu pemasangan 1,000 unit kamera litar tertutup (CCTV) ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri selamat.

"Pada masa ini, ada 550 unit CCTV telah dipasang di bahagian pulau dan 130 unit (Seberang Perai) dengan jumlah keseluruhan sebanyak 680 unit.

"Walau bagaimanapun, difahamkan pada akhir Julai 2018, bilangan CCTV akan ditingkatkan kepada 761 unit (bahagian pulau).

"Manakala, pada Mei 2019, sebanyak 150 unit CCTV lagi akan ditambah menjadikan jumlah keseluruhan 911 unit (bahagian pulau) dan jika dicampur dengan 130 unit CCTV (Seberang Perai), jumlah besarnya 1,041 unit," ujar beliau.

## Tubuh dan kaji semula jawatan JKKK lantikan 2019

**GEORGE TOWN –** Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dipertanggungjawabkan untuk memikul portfolio Perhubungan Masyarakat yang disandang oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang kini dalam cuti sakit selepas menjalani pembedahan pintasan jantung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat Exco baru-baru setelah Ahmad Zakiyuddin mungkin 'direhatkan' selama tiga bulan atas nasihat doktor.

"Bagi portfolio Perhubungan Masyarakat, beliau (Ahmad Zakiyuddin) sedang dalam usaha menubuhkan dan mengkaji semula jawatan dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) bagi lantikan tahun hadapan.

"Saya difahamkan beliau (Ahmad Zakiyuddin) telahpun mengadakan mesyuarat sebelum ini untuk membawa perkara ini (lantikan) ke peringkat parti dan (melalui mesyuarat) Exco.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah meminta supaya Setiausaha Kerajaan Negeri meneruskan perkara ini," responsnya kepada pemberita ketika ditemui sejurus Majlis Perasmian Karvival Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Pulau Pinang dekat Lebuh Pantai di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, beliau dimaklumkan bahawa Ahmad Zakiyuddin yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal memerlukan sekurang-kurangnya tiga bulan untuk berehat sebelum memulakan tugasnya semula.

Ahmad Zakiyuddin, yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat selamat menjalani pembedahan pintasan jantung pada 9 Julai lalu dan masih dalam pemantauan doktor pakar di Hospital Pulau Pinang.




# Karnival STEM buka peluang terokai dunia sains dan inovasi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha mencetuskan minat generasi muda terhadap sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, buat julung kalinya, Penang STEM menganjurkan Karnival STEM Pulau Pinang dekat Lebuh Pantai di sini 15 Julai lalu.

Karnival yang mempamerkan palbagai produk dan aktiviti berteraskan sains dan inovasi tersebut dilihat mampu memupuk dan mengubah persepsi umum khasnya para pelajar mengenai kepentingan sains serta teknologi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, dengan penganjuran karnival seumpama itu dapat membudayakan serta menggalakkan pembelajaran sains dalam kalangan pelajar.



**PELAJAR-pelajar tidak melepaskan peluang mencuba pelbagai eksperimen yang disediakan.**

"Malah, saya percaya ia (karnival) memberi peluang kepada orang ramai untuk menerokai keseronokan dunia sains dan teknologi selari dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkasakan lagi pembelajaran STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) di Pulau Pinang.

"(Dan) misi Penang STEM untuk melahirkan modal insan, memacu dan menyokong Revolusi Industri 4.0 serta era ekonomi digital akan membantu memastikan Pulau Pinang terus menjadi pusat kecemerlangan STEM di rantau ini," ucapnya pada perasmian karnival berkaitan di sini.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa dan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ketua Pegawai Eksekutif Penang STEM Sdn. Bhd., Ang Lye Hin; Pengarah-pengarah Penang STEM; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut,

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid antara tetamu kehormat yang turut meluangkan masa kira-kira 30 minit melawat ke gerai-gerai pameran di sini.

Pelbagai acara menarik disediakan sepanjang karnival berlangsung membabitkan lebih 20 organisasi berteraskan sains dan teknologi yang mengambil bahagian. Dron, teropong berkuasa solar dan robot pintar antara inovasi



**CHOW Kon Yeow mencuba salah satu inovasi berbentuk teleskop yang dipamerkan sempena penganjuran Karnival STEM Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

yang paling mencuri tumpuan pengunjung.

Penang STEM terbentuk daripada enam organisasi yang disatukan di bawah satu ekosistem, iaitu *Penang Skill Development Centre* (PSDC), *Penang Science Cluster* (PSC), *Karpal Singh Penang Learning Centre*, *Tech Dome Penang*, *@CAT Penang* dan *Penang Digital Library* merangkumi lebih 250 program berkaitan STEM yang dianjurkan dari semasa ke semasa.

---

# Kerajaan harus siap sedia hadapi peningkatan populasi warga tua

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyarankan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan yang mempunyai bangunan atau premis bersesuaian untuk dijadikan pusat aktiviti warga emas supaya tampil menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi berwajib.

Menurut beliau, pertambahan populasi warga tua di Malaysia dijangka meningkat dalam tempoh 10 - 20 tahun ini.

Oleh itu, Kon Yeow merasakan bahawa kerajaan harus bersiap sedia menghadapi peningkatan populasi warga tua di negara ini dengan menggalakkan pembangunan berkonsepkan pusat penjagaan dan aktiviti warga tua dalam memastikan kemampanan masa depan.

"Saya sendiri dalam beberapa mesyuarat Exco lalu menyarankan bahawa mana-mana persatuan yang mempunyai bangunan atau premis bersesuaian di pusat bandar misalnya, ia (premis tersebut) bolehlah digunakan sebagai pusat aktiviti warga emas.

"Malah, Kerajaan Negeri juga kini sedang menerokai jalinan kerjasama dengan agensi berwajib, misalnya mungkin Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mewujudkan sebuah pusat aktiviti harian bagi warga tua di negeri ini," ujarnya kepada pemberita sejurus mengadakan kunjungan ke rumah penjagaan warga tua, *Grace Harmony Home* dekat Jalan Thomas di sini 21 Julai lalu.

Turut mengiringi, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Pengerusi Persatuan Penyayang Warga Tua Pulau Pinang, Andy Yeap dan Pengerusi Grace Harmony Home, Khoo Teik Ee.

Jelas Kon Yeow, pusat aktiviti yang dicadangkan itu akan membolehkan warga emas berinteraksi sesama sendiri dan meluangkan masa bersama-sama melakukan aktiviti harian.

"Ia bukanlah pusat jagaan kesihatan, sebaliknya sebagai tempat untuk berinteraksi sesama sendiri dan melakukan aktiviti bersama-sama... demi kesejahteraan dan keharmonian warga emas.

"(Dan) saya juga merasakan bahawa perlu ada suatu dasar atau undang-undang mahupun infrastruktur yang sesuai sebagai persiapan menghadapi peningkatan populasi warga tua di negara ini," katanya yang berharap agar lebih banyak premis atau bangunan berkonsepkan penjagaan kesihatan serta aktiviti warga tua diwujudkan di sini.

Terdahulu, Kon Yeow meluangkan masa kira-kira sejam di rumah penjagaan warga tua berkaitan.

Difahamkan, premis yang digunakan rumah penjagaan berkenaan adalah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang disewa.

"Jadi, mereka berhasrat mencari sebidang tanah untuk dibangunkan rumah jagaan yang lebih selesa.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) akan teliti sama ada kita boleh atau tidak dapatkan sebidang tanah seperti yang dihajatkan kerana ini adalah untuk kebajikan dan amal.

"Mereka (rumah penjagaan warga tua) pun kini beroperasi atas sumbangan orang ramai dan badan korporat bagi menampung 20 penghuni di sini," jelasnya.

Rumah penjagaan warga tua, *Grace Harmony Home* tersebut dibangunkan Persatuan Penyayang Warga Tua Pulau Pinang dengan menempatkan warga emas berusia 60 tahun dan ke atas yang tidak mempunyai sanak saudara.



# Musim durian Pulau Pinang akan dicetak dalam peta pelancongan makanan - Tze Tzin

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **G. REVATIC**

**SEBERANG JAYA -** Informasi mengenai musim durian Malaysia terutama di Pulau Pinang akan dilengkapkan dalam risalah peta pelancongan makanan terbitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun depan.



**RUPA bentuk durian yang dinobatkan johan Pertandingan Baka Durian Terbaik Penang Durian Festival.**

Timbalan Menteri kementerian berkaitan, Sim Tze Tzin berkata, pihaknya berharap inisiatif itu dapat menggalakkan lagi pengunjung tempatan dan pelancong asing ke Pulau Pinang bagi menikmati pelbagai baka durian terbaik serta terkenal kelak.

"Kita boleh jadikan musim durian ini suatu fenomena, dan destinasi pelancongan makanan durian (terpilih).

"Semua yang nak makan durian, mesti datang ke Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru ketika merasmikan *Penang Durian Festival* dekat perkarangan parkir Pasar Raya Mydin Jalan Baru di sini 28 Julai lalu.

Menurut Tze Tzin, kualiti durian baka tempatan adalah lebih enak berbanding dari Indonesia, kerana ada agensi Persekutuan yang senantiasa memperbaiki baka sedia ada agar lebih enak.


**SIM Tze Tzin (tiga dari kiri) dan Dr. Afif Bahardin (kiri sekali) pada penganjuran *Penang Durian Festival* di sini baru-baru ini.**

Beliau dalam pada itu turut memuji inisiatif Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin kerana memuatkan acara pertandingan baka durian terbaik sempena festival kali ini.

## Wujudkan SPK demi perkhidmatan kesihatan lebih efisien, syor Exco

**PAYA TERUBONG –** Cadangan agar mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan (SPK) perlu diteliti bagi menjadikan perkhidmatan bidang kesihatan lebih efisien kepada rakyat.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa beliau telah mengesyorkan cadangan tersebut kepada Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad baru-baru ini agar diwujudkan SPK berbanding Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sekarang.

Katanya, perkara tersebut mampu menjadikan perkhidmatan di hospital dan pusat-pusat kesihatan lebih efisien dan proaktif.

"Dengan cara ini, kita tidak terikat dengan undang-undang SPA yang agak *rigid*, yang susah untuk menjadikan kita lebih fleksibel... dan pada masa sama, kita tidak ada kuasa yang besar untuk menentukan penempatan dan bagaimana kita dapat menjaga kebajikan kakitangan kesihatan awam.

"Jika kerajaan baharu mengambil tindakan berbeza, saya percaya ia mampu menyelesaikan banyak perkara yang tergantung akibat birokrasi dalam perkhidmatan awam," tegasnya pada sidang media Program Makan Durian Bersama-sama Pengamal Media dekat Pusat Agro Pelancongan Relau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Rozaidi Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Shahbani Ismail dan pengamal-pengamal media Pulau Pinang.

Pada program tersebut, sebanyak 100 kilogram durian dijamu daripada jenis baka-baka yang dihasilkan di Pulau Pinang seperti Hor Lor, Udang Merah, Kulit Hijau, Duri Hitam, *Ochee* dan Musang King (Kelantan).


**SEBAHAGIAN pengamal media sedang menjamu durian pada Program Makan Durian Bersama-sama Pengamal Media di sini baru-baru ini.**




GEORGE TOWN FESTIVAL (GTF) merupakan satu sambutan seni dan budaya yang berlangsung selama sebulan yang dimulakan sebagai satu sambutan pengiktirafan George Town sebagai satu Tapak Warisan Sedunia, dan telah menarik pengunjung dari seluruh dunia.

# CAT Bayan Baru diharap bantu surai kesesakan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU MAUNG –** Pelancaran bas perantara percuma CAT *(Congestion Alleviation Transport)* bagi kawasan Bayan Baru diharap dapat membantu menyuraikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, perkhidmatan bas percuma berkenaan bermula dari jam 6.30 pagi hingga 11.30 malam, setiap hari bermula 17 Julai lalu.

"CAT Bayan Baru ini merupakan lokasi kesembilan selepas perkhidmatan CAT (percuma) ini dilancarkan sejak 1 April lalu.

"Ia adalah langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan membudayakan masyarakat Pulau Pinang agar menggunakan perkhidmatan awam.

"Malah, langkah ini dilihat mampu membantu mengurangkan kos sara hidup masyarakat... nak pergi sekolah, pasar atau tempat tumpuan lain, naik saja bas CAT ini, tak payah lagi risau tak ada tempat nak parkir kenderaan anda," ujarnya semasa melancarkan perkhidmatan berkaitan dekat Terminal Bas Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya (DBD), Zepri Saad.

Difahamkan, perkhidmatan bas CAT Bayan Baru berkenaan akan melalui beberapa lokasi utama seperti Stadium Mini Sungai Ara, Tunas Muda, Balai Polis Bayan Baru, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raja Tun Uda, Hospital Pantai, Astaka Bukit Gedung, Masjid Umar Ibnu Al-Khattab, Kompleks Pasar Bayan Baru, *Sunshine Square, D'Piazza Mall, Setia SPICE Convention Centre* dan Kompleks Bukit Jambul.

Mengulas lanjut, Abdul Halim yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung menyatakan bahawa bagi membezakan bas percuma tersebut dengan perkhidmatan bas henti-henti yang lain adalah ia (bas CAT) dibalut dengan warna hijau.




**PETA laluan CAT Bayan Baru.**

"Perkhidmatan ini boleh dicapai dengan frekuensi 20 minit," jelasnya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri memperkenalkan perkhidmatan bas percuma CAT sebagai salah satu alternatif untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam sekaligus dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di negeri ini dengan peruntukan sebanyak RM15 juta setahun.

---

## CAT Bertam bakal beri manfaat kepada seluruh penduduk

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM –** Pelancaran bas percuma CAT *(Congestion Alleviation Transport)* bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam diharap dapat membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan ini, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkaitan, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq.

Jelasnya, perkhidmatan bas percuma berkenaan akan bermula pada jam 6.30 pagi sehingga jam 11.45 malam setiap hari.

"Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan CAT ini yang akan melalui laluan-laluan utama merangkumi kawasan yang penting seperti hospital, sekolah, pejabat kerajaan, pusat membeli-belah, pasar dan institusi pengajian tinggi.

"Sebanyak empat bas akan digunakan di laluan ini yang akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat terutama penduduk di kawasan Bertam," ujarnya semasa melancarkan perkhidmatan berkaitan dekat Taman Bertam Ria di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus Sdn. Bhd., Azam Omar, Ali-Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), wakil-wakil rakan strategik Rapid Bus Sdn. Bhd. dan lain-lain.

Difahamkan, perkhidmatan bas CAT Bertam akan melalui beberapa perhentian iaitu di Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara (SPU), Hospital Kepala Batas, Perpustakaan Cawangan Bertam, Ibu Pejabat Polis Daerah SPU, Kompleks Sukan MPSP, Pejabat Daerah dan Tanah SPU, pasar raya TESCO, *Sunshine*, Kolej Kejururawatan Bertam, Sekolah Menengah




**KHALIQ Mehtab Mohd. Ishaq (barisan kiri, dua dari kanan) pada Majlis Pelancaran CAT Bertam di sini baru-baru ini.**




**LALUAN CAT Bertam.**

Sains Kepala Batas, Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bertam Perdana, MRSM Kepala Batas, Institut Perubatan Pergigian Termaju (USM), Giat Mara Kepala Batas, UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam dan pasar raya Mydin.

Manakala jalan-jalan yang terlibat pula adalah Jalan Bertam 1, Jalan Bertam 2, Persiaran Dagangan, Jalan Dagangan, Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Persiaran Bertam 2, Persiaran Pendidikan Bertam Perdana serta Persiaran Seksyen 4 Putra Bertam.

Mengulas lanjut, kata Khaliq Mehtab, pendekatan CAT diperkenalkan Kerajaan Negeri merupakan konsep bas *feeder (spokes)* yang mana bas-bas di laluan CAT akan menghubungkan pengguna ke laluan utama (hab).

"Keistimewaan bas CAT ini adalah ianya dibalut dengan pembalut khas berwarna hijau dan berbeza dengan bas biasa yang berbayar.

"Bas ini juga ditambah dengan kemudahan wifi percuma agar pengguna dapat menggunakan internet dengan lancar dan selesa semasa menaiki bas," katanya sambil menzahirkan ucapan penghargaan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di atas pelaksanaan perkhidmatan tersebut.

# CAT Alma diharap galak penduduk guna pengangkutan awam




PETA laluan CAT Alma.

Teks dan Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**MACHANG BUBOK -** Bas pengantara percuma CAT untuk laluan Alma mula beroperasi pada 22 Julai 2018, tiap-tiap hari seawal jam 6 pagi hingga 10 malam.

Ketika berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon berharap kemudahan pengangkutan awam yang disediakan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang tersebut dapat meningkatkan mutu kehidupan rakyat setempat.



LEE Khai Loon (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama barisan pemimpin setempat pada Majlis Perasmian Operasi Bas Pengantara Percuma CAT Alma di sini baru-baru ini.

"Memanglah jalan utama ke Jalan Rozhan adalah agak sesak terutama pada waktu puncak.

"Keputusan Kerajaan Negeri menyediakan bas pengantara percuma adalah tepat pada masanya.

"Dengan kemudahan bas pengantara percuma ini, diharap lebih menggalakkan pengguna menggunakan pengangkutan awam berbanding kenderaan peribadi, sekaligus mengurangkan lambakan kenderaan atas jalan," jelasnya pada Majlis Perasmian Operasi Bas Pengantara Percuma Congestion Alleviation Transport (CAT) di perkarangan parkir pasar raya AEON Bukit Mertajam pada 18 Julai 2018.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ong Jing Cheng dan Timbalan Ketua Cabang Parti Keadilan Rakyat (PKR) Bukit Mertajam, Jab Samat dan Mustaqin Alpi (Pegawai Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang).

Difahamkan, laluan CAT Alma adalah meliputi Taman Seri Janggus, Taman Sejahtera Indah, Taman Selesa, Pasaraya Wonderful, Pusat Perniagaan Alma, Taman Alma Jaya, Taman Selamat, Taman Nirvana, Pusat Sukan Jesselball, Taman Seri Impian, Masjid Alma Jaya, AEON Mall, Taman Seri Kijang, pasar raya TESCO, Taman Impian Ria, Perindustrian Ringan Alma, Taman Usaha, Peindustrian Usahajaya, Perindustrian Asas Murni, Taman Amra dan Taman Sukun.

Kekerapan bas adalah antara 30 hingga 55 minit.

## Rebut peluang muncul sebagai hab antarabangsa wilayah utara

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang perlu merebut peluang yang terhasil daripada ekonomi kukuh serta persekitaran mampan untuk meletakkan ia di laluan hab antarabangsa bagi wilayah utara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sejajar dengan wawasan dan visi negeri mahu menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya pintar dan bertaraf antarabangsa, ia harus lebih kompeten serta menjadi pusat bagi wilayah utara sama ada di dalam sektor perindustrian, pelancongan atau pusat sehenti.

"Dengan kedudukan strategik, sektor perindustrian yang kukuh sebagai lembah silikon dan pembangunan mampan, diharap faktor-faktor ini mampu meletakkan Pulau Pinang sebagai sebuah hab antarabangsa bagi negara-negara sekitar seperti Vietnam, Indonesia, India, Filipina serta Hong Kong.

"Malah, bagi merealisasikan hasrat ini, jaringan infrastruktur perlu lengkap dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) yang telah dipersetujui harus disegerakan penaiktarafannya," ujarnya pada penganjuran *Star Property Forum 2018: The Future Of Penang After GE-14* di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata, persekitaran ekonomi positif harus seiring dengan persekitaran mampan berterusan kerana ia (persekitaran) tidak harus ditenggelamkan oleh pembangunan.

"Bagi memastikan Pulau Pinang mencapai taraf bandar raya pintar dan antarabangsa, pertumbuhan ekonomi positif harus bergerak seiring dengan kelestarian alam sekitar.

"Peningkatan infrastruktur yang sedang dirangka dan diusahakan pada masa hadapan seperti Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pan yang terdiri daripada *Pan Island Links* (PIL) dan *Light Rail Transit* (LRT) untuk menyokong pertumbuhan ekonomi serta persekitaran yang berterusan adalah kebimbangan besar dalam kalangan masyarakat yang tidak mahukan persekitaran musnah akibat pembangunan," ujarnya yang turut bersetuju bahawa sebarang pembangunan yang dijalankan tidak harus mengorbankan alam sekitar.

Selain Kon Yeow, dua lagi panelis forum tersebut ialah Pengerusi REHDA Pulau Pinang, Datuk Toh Chin Leong dan Pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Nor'Aini Yusoff.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu, Kerajaan Negeri di bawah pimpinannya bercadang memperkenalkan semula konsep sewa beli bagi kediaman rumah kos rendah dan sederhana rendah.

"Dengan cara sedemikian, ia akan membantu golongan yang sukar mendapatkan pinjaman bank dan kurang berkemampuan untuk memiliki rumah," jelasnya.




# Masalah banjir, saliran dapat perhatian ADUN



AZRUL Mahathir Aziz (berbaju batik) meninjau keadaan salah sebuah saliran pada lawatan bersepadu di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADUN**

**BAYAN LEPAS –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz baru-baru ini turun padang meninjau permasalahan membabitkan lokasi-lokasi banjir di sini.

Menurutnya, kejadian banjir membabitkan beberapa kawasan terutamanya di Jalan Kolam Ikan adalah berpunca daripada masalah saliran dipenuhi sampah dan keadaan ia yang tidak sempurna.

“Disebabkan itu, baru-baru ini, 10 rumah serta kawasan kuil berdekatan Jalan Kolam Ikan dilanda banjir.

"Selain dinaiki air, rumah penduduk juga sering terjejas akibat masalah banjir yang berlarutan sejak beberapa tahun lalu," katanya ditemani Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Barat Daya, Hashim Abdullah serta beberapa agensi kerajaan berkaitan ketika mengadakan lawatan bersepadu ke lokasi-lokasi dikenal pasti di sini.

Hadir sama, Penolong Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR), wakil Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Barat Daya, Penghulu Kawasan dan Polis Diraja Malaysia.

Selepas meninjau keadaan di Jalan Kolam Ikan, delegasi lawatan bersepadu turut ke Pintasan Kelicap, Jalan Dato' Ismail Hashim dan kawasan di hadapan Sekolah Kebangsaan Mutiara Perdana.

Malah, ketika 'turun padang' di Kampung Bukit, pasukan Pejabat ADUN Bayan Lepas bertungkus-lumus membantu penduduk kampung dengan mengalihkan dahan yang patah dan menghalang laluan masuk ke kampung berkenaan.

"Saya amat berterima kasih kepada yang terlibat dalam lawatan bersepadu hari ini (10 Julai 2018), dan saya yakin pihak-pihak berkaitan akan mengambil maklum hal yang terjadi di kawasan ini.

"Rata-rata penduduk yang saya temui juga berasa lega apabila tindakan pantas diambil...dan ini (tindakan segera) adalah bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk di Bayan Lepas ini," ujarnya ketika dihubungi wakil Buletin Mutiara.

middleton



## Ciri-ciri Mewah dan Moden Yang Tersendiri

- Dua blok kondominium residensi bertingkat 26 tingkat yang menampilkan seni bina dan reka bentuk kontemporari
- Kepadatan ultra rendah dengan hanya 5 unit setingkat
- Saiz unit sebesar 1,409kps dengan pelan susun atur yang fleksibel dan serbaguna untuk pilihan anda
- Pelbagai kemudahan rekreasi yang berciri resort
- Lokasi yang tenang dan dikelilingi oleh residensi Minden Heights yang mapan dan mewah
- Akses mudah ke Jambatan Pulau Pinang, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, bandar Georgetown dan pelbagai kemudahan yang lain
- Hakmilik Kekal



UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

**+604 229 6288 | www.bsgproperty.com** BSG | Property®

**THE GALLERIA**
52, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10400 Penang, Malaysia.
T:+604 229 6288 F:+604 228 0188

Middleton • Pihak Pemaju: Nuwata Sdn Bhd (506801-P) • No. Lesen Pemaju.: 9563-8/04-2019/01705 (L) • Tempoh Sah: 09/04/2018 Sehingga 08/04/2019 • Permit Iklan dan Juala: 9563-8/04-2019/01705 (P)· Tempoh Sah: 09/04/2018 Sehingga 08/04/2019 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang • Bebenan Tanah: Tiada • No. Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(6123)/13(LB) • Jumlah Unit: 220 sahaja • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2019 • Pegangan Tanah: Hak Milik Bebas • Diskaun 5% untuk Bumiputera • Harga Minimum: RM1,528,000.00 • Harga Maksimum: RM1,832,000.00 • Tertakluk kepada terma dan syarat •

# Pameran model roket di *Tech Dome Penang*, JOM!



REPLIKA roket yang dipamerkan.

**DALAM** usaha menyemai dan memupuk minat pelajar-pelajar sekolah terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), *Tech Dome Penang* (TDP) kini melancarkan pembukaan ruang pameran model roket.

Buletin Mutiara melalui penulisnya, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** & jurugambar, **ALVIE CHENG** baru-baru ini diberi peluang untuk menemu ramah Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Datuk Dr. Khong Yoon Leong bersama-sama Pengurus Pembelajaran dan Pameran TDP, Lee Kuan Shern bagi mengetahui dengan lebih lanjut berhubung pameran model roket dari negara China tersebut.


DR. Khong Yoon Leong.

"Inisiatif ini sebenarnya merupakan salah satu perkara yang pernah dibincangkan oleh mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng bersama-sama Konsul Jeneral China ke Pulau Pinang, Wu Jun bagi mendapatkan bantuan daripada negara tersebut untuk menempatkan model roket di sini (TDP).

1150E-15-11,SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAHIMI BIN ALI - 60052207****
1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABD RAHMAN BIN ALI - 64021507****
255-A MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG

No Akaun : 11863
Peminjam : MOHAMAD KAMIL BIN RAHAMATTULAH - 93091607****
NO. 2350, LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAHAMATTULAH BIN ALLA PITCHAY - 62022507****
NO.2350 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOORULAMIN BIN ABDUL RAHMAN - 76102607****
2137 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 7, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 11864
Peminjam : MUHAMAD FARHAN BIN AHMAD - 89123007****
647 TAMAN LAGENDA, JALAN LAGENDA 19/1, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1 : ANITA JUNAIDAH BINTI AHMAD - 75080307****
647 TAMAN LAGENDA, JALAN LAGENDA 19/1, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : KHAIRUL AZIRA BINTI HAJI MOHAMAD KHIR - 77011107****
NO.484 PERMATANG SINTOK 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

# Saifuddin Nasution: *Price Catcher* beri kuasa kepada rakyat jadi pengguna bijak

**WALAUPUN** lebih sebulan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ditetapkan pada kadaran lantai sifar sejak 1 Jun 2018, namun pelbagai rungutan dizahirkan oleh pengguna media sosial seperti *Facebook, Twitter* dan *Whatsapp*.

Datuk Saifuddin Nasution Ismail, yang baru dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataan media, dilaporkan mengaku bahawa kira-kira 70 peratus barang-barang yang dikenakan GST telahpun turun harga.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut menjelaskan, angka peratusan itu merupakan hasil kajian Kementerian, selepas GST pada kadar sifar dilaksanakan.

Beliau mempertahankan hasil kajian itu, walaupun sesetengah pihak mendakwa bahawa ia tidak mencerminkan realiti sebenar harga barang dalam pasaran yang dikatakan masih tinggi serta tidak munasabah.

Kunjungan Menteri ke Majlis Pot-Luck Aidilfitri Unit Penerangan Pejabat Ketua Menteri pada 17 Julai di Komtar, membawa pada wawancara lanjut berhubung isu berbangkit ini, bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN**.

Saifuddin Nasution memberitahu, Kementeriannya melancarkan aplikasi atas talian *Price Catcher* bagi rakyat mengambil bahagian dalam usaha menurunkan harga komoditi dalam pasaran, pasca sifar GST ini.

"Apabila dibuat perbandingan harga, didapati GST sudah pada kadaran sifar, patut harga barangan turun, tetapi tidak turun.

"Apa rakyat boleh buat? Pertama, rakyat jangan beli di situ. Kedua, dia kena masuk dalam portal e-aduan untuk mengadu kepada Kementerian supaya pihak penguatkuasa boleh mengambil tindakan." katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak merangkap Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu (Kedah).

## Banding Harga

Menurut Saifuddin Nasution, *Price Catcher* ini turut akan membekalkan harga pasaran barangan mengikut lokaliti pengguna.

"*Price Catcher* ini akan mengeluarkan harga di semua premis perniagaan ayam, dan aplikasi ini akan membuat perbandingan harga.

"Jadi, pengguna yang bijak buat apa pergi ke pasar A kalau harga ayam di pasar B adalah lebih murah.

"Akhirnya, rakyat memberitahu bahawa harga barang masih belum turun, kita (Kementerian) akan melihat dan kita akan melaksanakan langkah penguatkuasaan berdasarkan maklum balas pengguna ini," jelasnya.

Menurut Saifuddin Nasution, setakat ini, Kementerian memantau 417 barangan mencakupi enam kategori iaitu barangan kering, barangan basah, barangan penjagaan diri, barangan susu, barangan bayi dan makanan tin.



SAIFUDDIN Nasution Ismail.

"Di antara enam kategori barangan ini, ada yang dahulu tidak dikenakan GST dan sekarang pun tidak dikenakan GST, ada juga dulu dikenakan GST dan sekarang tidak dikenakan GST, semuanya kita pantau kerana Kementerian mahu memenuhi hasrat rakyat yang mahukan harga barang turun selepas tiada GST ini," ujarnya.

## Langkah Kementerian

Tambah Saifuddin Nasution, di peringkat Kementerian, seramai 1,040 pegawai pemantau harga bagi 417 barangan berkaitan bertugas di seluruh negara.

"Apabila kita turun bersama-sama pegawai pemantau harga, memang betul seperti diadu oleh pengguna, apakah yang Kementerian lakukan adalah turun bersama-sama pegawai penguatkuasa pula, di seluruh negara ada 2,300 anggota.

"Apabila operasi penguatkuasaan dilakukan, ada barangan yang dirampas, ada dikenakan kompaun, ada yang diheret ke mahkamah," katanya.

Sejak 1 Jun 2018, Saifuddin Nasution menyatakan bahawa nilai rampasan berdasarkan Akta Kawalan Harga, adalah kira-kira RM7.6 juta, dengan lebih 1,300 kes salah laku berwajib sedang berjalan di mahkamah.

"Jumlah kompaun adalah lebih rendah daripada (nilai rampasan) itu kerana Kementerian juga ambil pendekatan seimbang dengan memberi nasihat juga, selain langkah penguatkuasaan," jelasnya.




# Impian Bandar Rendah Karbon, MPSP dan penduduk saling bekerjasama

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**




**SR. Rozali Mohamud sedang menyampaikan ucapan pada penganjuran Forum Dhuha Sempena Perayaan Hari Majlis MPSP Ke-44 di sini baru-baru ini.**




**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

**SEBERANG JAYA -** Lebih 500 hadirin menyertai Forum Dhuha Sempena Perayaan Hari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Ke-44, anjuran Persatuan Kebajikan Pekerja Islam MPSP (PERMAI) di Pasar Raya Mydin Bukit Mertajam pada 21 Julai lalu.

Yang di-Pertua Majlis, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, beliau berharap forum berjudul Kebaikan Di Dunia, Kebaikan Di Akhirat: Man Jadda Wa Jadda turut dapat menggembleng kesedaran komuniti terhadap peri penting mengurangkan penjanaan sampah di bahagian Seberang Perai.

Katanya, MPSP berhasrat menjadikan Seberang Perai sebagai Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar menjelang tahun 2022, kerana secara langsung membawa faedah penjimatan kira-kira RM23 bilion kepada komuniti setempat.

"Jangan kita menghasilkan kira-kira 1.6 kilogram (kg) sampah sehari.

"Kita (MPSP) telah mensasarkan 50 peratus sampah-sarap dapat dikurangkan iaitu 0.8 kg sehari.

"Bertepatan dengan forum ini, bercakap Man Jadda Wa Jadda yang bermaksud 'barangsiapa bersungguh-sungguh pasti akan mendapat hasil', penduduk setempat dan MPSP saling bekerjasama untuk mengurangkan sampah, impian menjadikan Seberang Perai sebagai Bandar Rendah Karbon Dan Bandar Pintar menjelang tahun 2022 boleh direalisasikan," jelas beliau.

Penolong Pengarah Bahagian Halal di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Ustaz Mohd. Lukmanul Hakim Mokhtar merupakan moderator forum agama pada hari berkaitan.

Manakala dua panelis forum adalah Pengarah Urusan High Step Consultant, Ustaz Mohd Elyas Ismail serta Pensyarah Fiqh di Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ustaz Datuk Dr. Mohd. Izhar Ariff Mohd Kashim.

Turut serta, Yang di-Pertua PERMAI, Mohamad Nizam Md. Shariff; Naib Yang di-Pertuanya, Syed Abd Rahman Syed Hashim; dan Ahmad Asrulddin Ahmad Kamaluddin (Setiausaha Kehormat PERMAI).



# Produk Eko-Kraf Komuniti buka peluang jana pendapatan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **K. THAARSHENII**

**BUKIT MERTAJAM –** Program Eko-Kraf Komuniti anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dilihat dapat membuka peluang kepada masyarakat untuk menjana pendapatan, kata Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng.

"Saya berpendapat, produk kraf kertas dan (kraf) plastik yang dihasilkan para peserta juga mempunyai potensi besar.

"Kedua-dua produk ini mempunyai keunikan tersendiri dan boleh dipertingkatkan dengan inovasi dan kreativiti peserta.

"Walaupun hasil pendapatan yang diperoleh mungkin sedikit pada mulanya, tetapi hasil yang sedikit akan bertambah jika kita memperuntukkan masa dan berusaha menghasilkan lebih banyak produk kraf," ucapnya pada Majlis Penyampaian Sijil Peserta Eko-Kraf Komuniti dekat Desa Wawasan yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng di sini baru-baru ini.

Chong Eng yang juga Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PWDC turut menyeru para peserta agar memanfaatkan perkembangan teknologi masa kini bagi memasarkan produk kraftangan di media sosial dan platform dalam talian.




**CHONG Eng (berbaju putih) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur dan para peserta Eko-Kraf Komuniti Desa Wawasan di sini baru-baru ini.**



**ANTARA produk yang dihasilkan.**

"Ini (pemasaran) bertujuan untuk memperbesarkan lagi pangkalan pelanggan dan tidak terhad kepada pasaran di Pulau Pinang sahaja.

"Melalui penggunaan teknologi, pemasaran produk akan lebih luas ke seluruh dunia dengan lebih pantas dan berkesan.

"Untuk tujuan ini, pihak PWDC juga telah menganjurkan bengkel e-dagang *(e-commerce)* untuk membantu komuniti di negeri ini menambah pengetahuan memasarkan produk menggunakan platform digital," jelasnya.

Mengulas lanjut, Chong Eng menegaskan, program berkenaan bukan sahaja mampu menjana pendapatan, malah dapat membantu mengurangkan sisa bahan buangan, terutamanya bahan plastik yang memerlukan masa yang lama untuk lupus.

"Sebagai pengetahuan, kertas surat khabar memerlukan masa selama satu bulan setengah untuk hancur, manakala beg plastik mengambil masa selama 200 hingga 1,000 tahun untuk terurai.

"Dengan menggunakan kreativiti yang dipelajari untuk membuat bekas dan beg, kita dapat mengurangkan jumlah bahan buangan di tapak pelupusan sampah," katanya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri setuju meluluskan lokasi tetap bagi program berkaitan di Desa Wawasan.

Difahamkan, program berkaitan juga mendapat sokongan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagai pembekal sebahagian tenaga pengajar pada sesi bengkel pengenalan serta kelas pertama yang dianjurkan.

## Wanita Pulau Pinang terus digalak ceburi e-dagang - Exco

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus memberi sokongan dan galakan kepada usahawan wanita di negeri ini untuk menceburi dunia perniagaan secara atas talian *(e-commerce)*.

Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata demikian pada penganjuran Bengkel E-Commerce yang berlangsung di sini 15 Julai 2018.

"Pada tahun 2017, Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita, PWDC (Perbadanan Pembangunan Wanita) telah mengadakan program e-Rezeki dengan kerjasama MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia Sdn. Bhd.).

"Tujuan penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan dan membuka peluang kepada penduduk Pulau Pinang khususnya penduduk Seberang Perai bagi memasarkan produk serta servis masing-masing melalui platform elektronik," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada penganjuran berkaitan.

Difahamkan, bengkel e-dagang kali kedua yang disertai lebih 40 usahawan wanita muda berkaitan dianjurkan oleh PWDC bersama-sama agensi negeri, Pusat Pembangunan Kamahiran Pulau Pinang (PSDC).

Jurulatih dari *Grace World Network*, Grace Yeow dan Nic Sim (jurulatih dari *RedBox Studio*) yang mengendalikan bengkel e-dagang tersebut.

Kini, direkodkan sejumlah 20.6 peratus daripada usahawan kecil dan sederhana di Malaysia adalah daripada golongan wanita, dengan kira-kira 22 juta pengguna internet di negara ini adalah penyumbang terbesar dalam dunia e-dagang.



# PYDC dekati belia peminat e-sukan



GOLONGAN belia yang meminati e-sukan.

**AGAK** unik juga apabila Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) sebagai agensi negeri, sejak tahun lepas memberi tumpuan menganjurkan acara sukan elektronik.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang, sukan elektronik atau lebih dikenali sebagai e-sukan adalah fenomena baru di peringkat dunia, termasuk dekat Malaysia.

Katanya, e-sukan ini adalah salah satu 'jambatan' yang boleh menghubungkan PYDC dengan belia di Pulau Pinang sendiri, iaitu mereka yang berusia antara 18 tahun hingga 40 tahun.

Pada tahun lepas sahaja, Kok Liang menyatakan bahawa kira-kira 270 juta penduduk dunia adalah penggemar e-sukan dalam tempoh tahun 2014 hingga awal 2019.

Hasil pertumbuhan industi e-sukan sedunia dalam tempoh sama selama lima tahun juga, direkodkan setinggi 581 peratus. Bayangkan!

Menurut Kok Liang, padanlah syarikat gergasi dunia yang mengeluarkan komputer dan aksesori berkaitan komputer dikesan melabur begitu besar dalam menggandakan prospek industri baru ini.

"Contoh (e-sukan) seperti Omen dimiliki oleh HP, Alienware dimiliki *Dell, Predator* dimiliki *Acer*, dan *Republic of Gamers* dimiliki oleh *Asus*.

"Kenapa semua pemain industri berkaitan pengkomputeran ini sanggup melabur begitu banyak untuk menyediakan jenis-jenis e-sukan ini?

"Jawapannya, lain tak bukan kerana duit ringgit, minat dunia terutama belia dalam e-sukan akhirnya membawa pulangan hasil yang tinggi kepada syarikat-syarikat pemain (industri pengkomputeran) tadi," katanya dalam sesi wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di pejabat Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri di Komtar baru-baru ini.

Walaupun terdapat pelbagai jenis e-sukan, *Dota 2* atau *Defense of the Ancients 2* adalah paling popular di Asia Tenggara termasuk Malaysia.

"Di Peringkat ASEAN, sukan yang diminati di Malaysia adalah badminton, di Filipina adalah bola keranjang, di Singapura adalah bola sepak, di Thailand adalah Muay Thai dan di Indonesia adalah bola sepak.

"Tapi e-sukan yang paling diminati di semua negara tadi adalah *Dota 2*," ujarnya.

Selain itu, kata Kok Liang, e-sukan begitu diminati kerana ganjarannya adalah begitu lumayan pada pendapat beliau.

Contohnya, seorang anak Malaysia, Chai "Mushi" Yee Fung, berusia 27 tahun.

Pemain profesional *Dota 2* itu adalah di kedudukan nombor 1 di Malaysia, ke-53 di peringkat dunia, berjaya mengaut hadiah berupa wang sejumlah 935,867.42 Dolar Amerika Syarikat (USD) dalam 77 perlawanan.

Seorang lagi pemain Dota 2 dari negara ini, Zheng "MidOne" Yeik Nai, di kedudukan nombor 2 di Malaysia, dan ke-68 di peringkat dunia.

Dalam 36 perlawanan, pemain e-sukan berkenaan berjaya meraih hadiah dalam bentuk wang tunai sebanyak 785,588.67 USD.

"Bertitik tolak pada fenomena e-sukan dalam kalangan belia, PYDC cuba membangunkan komuniti e-sukan di Pulau Pinang, mewujudkan peluang pekerjaan berkaitan e-sukan, melatih atlet e-sukan Malaysia yang ada potensi dan paling penting adalah PYDC dapat membina hubungan dengan komuniti belia melalui e-sukan ini.

"Fokus PYDC adalah komuniti belia e-sukan di bawah usia 25 tahun," katanya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri setakat ini memperuntukkan kira-kira RM1 juta untuk projek e-sukan PYDC ini.



AKSI salah seorang pemain e-sukan.



PERMAINAN menerusi komputer.

# SPRM tidak akan toleransi dengan sebarang individu dikait amalan rasuah, termasuk penjawat awam -Wan Ramli

**LEBIH** separuh atau 2,238 pesalah rasuah yang ditangkap antara tahun 2013 hingga bulan Mei lalu adalah dalam kalangan belia negara.

Kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada 7 Julai lalu tentunya menggamit perhatian banyak pihak.

Adakah begitu barah amalan rasuah dalam kalangan generasi muda?

Itu, soalan yang menjadi wawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **YAP LEE YING** serta jurugambar, **LAW SUUN TING** bersama-sama Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Pulau Pinang, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah pada 24 Julai lalu.

Wawancara eksklusif diadakan di Kompleks Ibu Pejabat SPRM Pulau Pinang dekat Jalan Sultan Ahmad Shah.

"Memang daripada segi statistik, kita (SPRM negeri) tidak nafikan.

"Belia dalam lingkungan umur 20 tahun hingga 40 tahun, dalam konteks rekod tangkapan di Pulau Pinang adalah kira-kira 60 peratus dalam tempoh tahun 2013 hingga 2017.

"Daripada 204 tangkapan, 124 (orang) adalah berumur di bawah 40 tahun," jelasnya sambil melahirkan rasa bimbang dengan generasi belia yang bakal mewarisi tampuk kepemimpinan negara.

## Latar belakang peribadi

Latar belakang pendidikan Wan Ramli adalah sains komputer.

Selepas graduan, beliau yang merupakan anak kedua daripada 12 adik-beradik mendapat tawaran bekerja sebagai ahli analisis sistem di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tetapi, Wan Ramli memilih tawaran kerja sebagai pegawai penyiasat (IO) di Badan Pencegah Rasuah (BPR), iaitu badan kerajaan dahulu sebelum dinaik taraf menjadi SPRM.

Sejak tahun 1989, lebih 10 tahun juga menjadi pegawai penyiasat di Negeri Terengganu dan Ibu Pejabat dekat ibu negara.

Pada tahun 2016, Wan Ramli pulang ke negeri kelahirannya, sebagai Pengarah SPRM Negeri Terengganu.

Selepas itu, pernah menjadi Pengarah SPRM Negeri Selangor, sebelum dilantik sebagai Timbalan Pengarah Jabatan Perisikan SPRM pada 15 Januari lalu.

Kini, Wan Ramli, berusia 55 tahun, dilantik sebagai Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang.

"Kalau dulu, balik kampung, orang bertanya kerja di mana? Kita sebut BP sahaja, tak sebut BPR. Ataupun, kita sebut SPR (supaya difahami Suruhanjaya Pilihan Raya), tidak sebut SPRM.

"Tetapi sekarang, SPRM bersama masyarakat, dan masyarakat pun mulai mesra dan kenal SPRM, sebab program-program anti rasuah.

"Daripada segi pengalaman sebagai pegawai penyiasat, saya secara peribadi, sepanjang dalam perkhidmatan ini tidak pernah lagi menerima ugutan berisiko, alhamdulillah," katanya dalam nada sederhana.

## Bersama-sama Masyarakat

Wan Ramli memberitahu, sejak era pentadbiran bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dahulu lagi, kerajaan begitu menggalakkan program kempen pencegahan rasuah.

Tambahnya, Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Kembara Jelajah Wira Anti Rasuah (WAR) dan Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) adalah antara program besar yang dianjurkan oleh SPRM untuk mengajak orang awam menentang rasuah serta mengamalkan budaya hidup lebih berintegriti.

"Daripada segi slogan, memang kita (SPRM) nak disegani rakyat, tapi digeruni perasuah tegar.

"Kalau SPRM digeruni masyarakat, mana mereka nak tampil untuk memberi maklumat kepada kita (SPRM).

"Saya ingat memang ada kesan apabila kempen IBR ini dilaksanakan (menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14, PRU14) seperti di Pulau Pinang, ada maklumat yang kami (SPRM) terima pada enam bulan pertama (2018) adalah 155 kes berbanding 2010 (dalam tempoh sama pada tahun lepas).

"Melalui GERAH dan WAR ini juga, SPRM melaksanakan kempen pencegahan di universiti, agensi kerjaaan dan swasta serta bersama-sama NGO, nampaknya ada kejayaan," ujarnya.



WAN Ramli Wan Abdullah.

## Tanggungjawab SPRM

Pun begitu, Wan Ramli menyatakan bahawa semua pegawai SPRM adalah sama seperti kakitangan kerajaan yang lain.

Justeru, sekiranya SPRM turut memberi tumpuan kepada amalan integriti dalam jabatan atau agensi kerajaan sekalipun, ia hanya tanggungjawab suruhanjaya terhadap kerajaan serta rakyat.

"Kita juga adalah sebahagian daripada penjawat awam lain, cuma tugas kita (SPRM) adalah menguatkuasakan Akta SPRM.

"Secara peribadi, saya juga rapat dengan ketua-ketua jabatan kerajaan supaya apabila kita berjumpa di mana-mana, kita boleh berbual.

"Apabila saya datang ke Pulau Pinang, saya agak terkejut dan teruja, terutama IBS, ada kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan (sebelum PRU14 lalu)," jelasnya.

## Nasihat

Bagi Wan Ramli, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan mesti menunjukkan amalan integriti, barulah ia akan diteladani oleh kakitangan bawahan yang lain.

"Kena ada polisi, buat polisi seperti yang diamalkan oleh Presiden PETRONAS pertama dulu, tidak menerima sebarang hadiah, polisi sebegini memang boleh membendung amalan rasuah dalam pentadbiran.

"Di peringkat Kerajaan Negeri, kalau Ketua Jabatan 'lebih kotor' (menerima suapan umpamanya), (kakitangan) di bawah akan ikut.

"Sebagai Ketua Jabatan Kerajaan, kita kena ada integriti dan tegas, baru kakitangan lain akan ada integriti.

"Jangan sorok kesalahan untuk jadi popular, isu popular dalam memerangi rasuah tak ada di sini," katanya.

## Kesimpulan

Hujung wawancara, Wan Ramli mengakui bahawa berdasarkan kes-kes tangkapan membabitkan kakitangan kerajaan sendiri, isu materialisme merupakan faktor terbesar mereka menerima suapan.

"Tangkapan SPRM membabitkan orang awam, penjawat awam dan mereka yang bekerja dalam sektor swasta.

"(Namun pembabitan) penjawat awam adalah agak tinggi, kerana mereka (yang terbabit) lebih pada menerima (suapan).

"Daripada 124 tangkapan membabitkan belia di bawah umur 40 tahun (dalam tempoh 2013 hingga 2017 di Pulau Pinang), 77 orang adalah penjawat awam," ujarnya sambil menegaskan bahawa SPRM tidak akan toleransi dengan mana-mana individu yang dikaitkan dengan amalan rasuah.



# Galakan berbasikal, LinkBike di Intel PG 9

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK –** Sebagai galakan kepada kakitangan Intel Teknologi Sdn. Bhd. (Intel) dalam mengamalkan budaya kerja sihat, perkhidmatan perkongsian basikal LinkBike kini diperkenal dekat bangunan PG 9, Bayan Baru di sini.

Pemasangan stesen LinkBike tersebut merupakan hasil kerjasama antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Intel dan syarikat LinkBike.

"Sebenarnya, usaha ini sudah dimulakan sejak Oktober 2017 apabila saya ketika itu adalah sebagai Setiausaha Bandaraya telah mengadakan pertemuan dengan wakil dari Intel.

"Intel telah mengambil satu langkah drastik dengan mewujudkan sistem perkongsian basikal ini bagi kegunaan kakitangan-kakitangannya, iaitu untuk bergerak menggunakan mod pengangkutan baharu ini... syabas untuk Intel, anda memang terbaik," seloroh Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang pada Majlis Pelancaran LinkBike di Intel PG 9 baru-baru ini.

Sejurus pelancaran tersebut, Tung Seang dan komuniti berbasikal Intel berkayuh ke Jambatan Harapan *(spiral bridge)* berhampiran Pantai Queensbay yang baharu dirasmikan baru-baru ini.

Ketika berucap, Tung Seang memaklumkan, MBPP akan terus bekerjasama dengan syarikat-syarikat korporat dan profesional dalam mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya pintar.

"Projek seterusnya dinamakan *MarkerSpace* di Kompleks MBPP Balik Pulau yang akan memberikan manfaat kepada kanak-kanak sekitar Barat Daya.

"Kami menyokong usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan pengajaran pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam memupuk mereka meminati STEM dari akar umbi." ujarnya lanjut.



**AR. Yew Tung Seang (dua dari kanan) bersama-sama kakitangan Intel pada Majlis Pelancaran LinkBike dekat Intel PG 9 di sini baru-baru ini.**

# *Hackfest* bantu MPSP cari penyelesaian kreatif, tingkat mutu perkhidmatan

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) buat julung kalinya menganjurkan Program Hackfest MPSP 2018 bagi membolehkan orang awam memberi pandangan atau idea kreatif untuk membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan memperbaiki mutu perkhidmatan kepada rakyat.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, program berkenaan mampu meningkatkan kerjasama pelbagai pihak dalam mencorak hala tuju MPSP ke arah perkhidmatan yang lebih baik dan efisien serta berasaskan teknologi baharu bagi memudahkan rakyat berurusan dengan PBT berkenaan.

"*Hackfest* merupakan satu program yang menghimpunkan pembangun sistem, pereka grafik serta pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan model penyelesaian untuk berkolaborasi dalam membina idea dan mencari penyelesaian termasuk cadangan perkakasan serta pembangunan perisian, konsep dan aplikasi mudah alih.

"Tema yang dipilih bagi program ini adalah *'Cyber Counter'* yang memudahkan lagi urusan komuniti Seberang Perai dengan MPSP dan secara tidak langsung meningkatkan perkhidmatan khususnya di bahagian kaunter," ujarnya ketika merasmikan program berkenaan di Pejabat MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis.

Mengulas lanjut, Rozali menjelaskan, penganjuran program berkenaan juga dapat mencungkil bakat, idea dan inovasi kreatif dalam kalangan peserta yang terdiri daripada golongan muda dan meminati teknologi.

"Golongan muda adalah penentu masa hadapan, dan pandangan serta idea mereka perlu diberi satu ruang untuk diketengahkan selaras dengan konsep *'inclusiveness'* yang terkandung dalam Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022," jelasnya.

Program yang berlangsung pada 13 hingga 14 Julai lalu tersebut menerima penyertaan sebanyak 13 pasukan. Setiap pasukan dikehendaki membangunkan sama ada konsep, idea dan prototaip cadangan dalam masa 24 jam yang mana mereka perlu mengemukakan hasil untuk semakan dan sesi pembentangan selepas tamat tempoh masa ditetapkan.

Antara permasalahan yang memerlukan penyelesaian daripada para peserta adalah berkaitan permohonan permit, lesen anjing, pelan bangunan, papan iklan dan Kaunter Perkhidmatan Pesuruhjaya Bangunan (COB).

Manakala penilaian pula dibuat pihak juri yang dilantik oleh MPSP berdasarkan lima kriteria iaitu pengalaman (15 peratus), inovasi (25 peratus), impak (25 peratus), perkongsian sumber (25 peratus) serta kualiti keseluruhan (10 peratus).

Kali ini, Program Hackfest MPSP 2018 menyaksikan pasukan *Genesis-Go* diumumkan sebagai pemenang tempat pertama yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM4,000, manakala tempat kedua milik *Common Room Bangi* (RM2,000) dan tempat ketiga, pasukan *SenseArt* (RM1,000).



**SR. Rozali Mohamud (duduk, dua dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan ahli jawatankuasa dan para peserta Program Hackfest MPSP 2018 di sini baru-baru ini.**




# Kunjungan Datuk Bandar Adelaide, bincang inisiatif bandar raya pintar



AR. Yew Tung Seang (kanan) dan Martin Haese menyempurnakan gimik penanaman pokok bersempena majlis kunjungan rasmi di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DANNY OOI ENG KEAT**

**GEORGE TOWN –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang baru-baru ini menerima kunjungan rasmi daripada Datuk Bandar Bandaraya Adelaide, Australia, Martin Haese.

Kunjungan tersebut berlangsung dekat Dewan Bandaraya di sini.

Tung Seang berkata, persahabatan di antara George Town dan Adelaide telah terjalin sejak tahun 1973 apabila kedua-duanya merupakan bandar raya kembar yang mempunyai banyak persamaan dari segi latar belakang sejarah.

"Pertalian ini bermula pada zaman era Kapten Francis Light lagi, dan daripada apa yang diketahui dan dikumpul, Kolonel William Light, iaitu anak kepada Francis Light yang mengasaskan Adelaide, justeru kita terikat melalui hubungan ini," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengarah Pertumbuhan Adelaide, Ian Hill.

Dalam ucapannya, Tung Seang turut mengucapkan tahniah kepada Haese di atas pelancaran *'Ten Gigabit Adelaide'*, iaitu rangkaian optik pertama Australia yang menyediakan akses kepada kelajuan data 10GBps untuk perniagaan dan organisasi di Adelaide.

"Saya sangat kagum dengan inisiatif pintar yang dibangunkan oleh Adelaide.

"Di sini (Pulau Pinang), inisiatif bandar pintar kami adalah meliputi lima domain utama untuk menjadi bandar raya pintar.

"Kami mempunyai pelan tindakan untuk mengubah Pulau Pinang ke arah bandar yang cergas, selesa dan bahagia yang merangkumi urus tadbir pintar, persekitaran pintar, ekonomi pintar, mobiliti pintar serta sosial pintar.

"MBPP perlu mencari keseimbangan antara menyediakan kehidupan yang berkualiti kepada penduduk setempat, tetapi pada masa sama memastikan pembangunan pantas dan menjadi bandar pintar," jelasnya.

Dalam pada itu, Haese dalam responsnya menyatakan bahawa beliau melihat banyak peluang untuk jalinan kerjasama dengan George Town kerana kedua-duanya bukan sahaja mempunyai hubungan daripada segi latar belakang, malah juga persamaan dalam aspek teknologi, warisan serta kemampanan.

Beliau menegaskan bahawa kemampanan juga merupakan salah satu strategi teras untuk bergerak maju ke arah menjadi bandar raya pintar.

"Kelestarian alam sekitar akan menawarkan peluang ekonomi, dan sebagai bandar neutral karbon pertama di dunia, apa yang kita lihat adalah perkembangan ekonomi di sekeliling industri terlibat," katanya sambil memberitahu bahawa menurut Strategi Neutral Karbon 2015-2025, Adelaide berhasrat untuk mencapai neutral karbon menjelang 2020 dan mencapai pelepasan bersih sifar karbon menjelang 2025.

## Azam MPSP, jadikan Seberang Perai bandar pintar dan rendah karbon

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini giat untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar pintar dan rendah karbon menjelang tahun 2022.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, visi tersebut mampu dicapai sekiranya MPSP dapat menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan serta responsif mengikut kehendak komuniti di Seberang Perai.

"Bersempena bulan meraikan Sambutan Hari Majlis Ke-44 pada 28 Julai lalu, MPSP dengan azam baru mahu menjadikan Seberang Perai lebih inklusif, lebih berdaya tahan, hijau, kompetitif dan bandar pintar yang dipacu oleh teknologi.

"Dengan adanya visi dan misi yang jelas, saya yakin Seberang Perai akan menjadi sebuah bandar yang rendah karbon dan bandar pintar menjelang 2022, yang secara tidak langsung akan menjimatkan perbelanjaan penduduk sebanyak RM23 bilion," ucapnya pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP Kali Kedua di perkarangan lobi menara MPSP dekat Bandar Perda di sini 20 Julai lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ketua-ketua Jabatan dan Penolong Pengarah; Pegawai-pegawai Kanan; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP serta seluruh kakitangan MPSP.

Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) MPSP, Datin Che Limah Ujang; Pengerusi ANULE Seberang Perai, Tahir Othman; Naib Yang di-Pertua PERMAI, Mohamad Nizam Md. Shariff dan Pengerusi KOSPEMA, Latifah Razali juga turut sertai majlis berkaitan.

Dalam ucapannya, Rozali turut menyentuh tentang pelbagai kejayaan dicapai MPSP sama ada di dalam negara bahkan peringkat antarabangsa.

Antaranya, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu berjaya menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records* kerana menjadi agensi kerajaan pertama menerima tujuh Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO).

Dalam pada itu, beliau turut menyeru kakitangan MPSP untuk membawa bekas air sendiri dalam program-program luar atau mesyuarat dalaman sebagai teladan kepada penduduk Seberang Perai bagi meninggalkan tabiat menggunakan bekas plastik dan penyedut minuman.

"Langkah ini adalah bertujuan menyokong hasrat Kerajaan Negeri bagi mencegah penggunaan straw (penyedut minuman) dan plastik pakai buang yang boleh menjejaskan hidupan laut.

"Marilah kita sama-sama mentransformasikan fikiran dan tindakan kita demi kelestarian hari esok," serunya yang turut menzahirkan ucapan tahniah kepada 43 kakitangan yang menerima penganugerahan pingat sempena Sambutan Ulang Tahun ke-80 Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas baru-baru ini.



SR. Rozali Mohamud (berkopiah) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan dan kakitangan MPSP pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP Kali Kedua di sini baru-baru ini.


MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

**IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD43 | Tetap |
| 2. | Jurutera | J41 | Kontrak |
| 3. | Penolong Jurutera | JA29 | Kontrak |
| 4. | Penolong Juruaudit | W29 | Kontrak |
| 5. | Penolong Pegawai Penilaian | W29 | Kontrak |
| 6. | Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat | N19/N29 | Tetap |

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi http://www.mbpp.gov.my. atau http://eperjawatan.mbpp.gov.my mulai **11 Ogos 2018.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 24 OGOS 2018**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Modal Insan** di talian berikut:- **04-2592115 / 2311 / 2245**

# Perkasakan STEM berteraskan kemahiran, kreativiti

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **JKKK TAMAN CHAI LENG**

**PERAI –** Seramai 104 pelajar terpilih daripada Tahun 3 hingga Tahun 6 meluangkan hujung minggu mempelajari perisian pencetakan tiga dimensi (3D) anjuran *Tech Dome Penang* (TDP) bertempat di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Perai di sini baru-baru ini.



**AKSI para peserta dengan cermin mata rekaan masing-masing.**

Program secara percuma tersebut turut mendapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Chai Leng.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai berkata, program sedemikian harus diberikan perhatian dan keutamaan selain subjek-subjek akademik.

"Program STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) berteraskan kemahiran dan kreativiti pelajar seperti ini perlu diperkasakan secara berterusan untuk memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut.

"Lagipun, program-program STEM ini merupakan suatu kepentingan dalam era Revolusi Industri 4.0.

"Justeru, untuk merealisasikan perkara tersebut, saya juga sedia membantu dalam menjayakan program-program akademik mahupun kemahiran yang difikirkan mampu memberi manfaat kepada sumber modal insan dalam menjana masa depan yang lebih maju untuk Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Perasmian Program Saintis Muda Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN pelajar yang mengambil bahagian dalam Program Saintis Muda DUN Perai di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Pengerusi JKKK Taman Chai Leng, M. Turaisingam.

Dalam program tersebut, para pelajar dipecahkan kepada beberapa sesi sejak pagi hingga petang dan diajar untuk mereka cipta bingkai cermin mata serta mencetak ciptaan tersebut menggunakan perisian cetakan 3D.

## Sambutan Hari Bapa & Sukaneka, erat silaturahim kukuh kesepakatan komuniti

**BERMAKNA...** Penganjuran Sambutan Hari Bapa dan Sukaneka Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai 2018 oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Chai Leng meriah dengan penyertaan penduduk setempat.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, program yang diadakan di Taman Kimsar itu adalah bertujuan mengeratkan silaturahim antara anak dan bapa.

"Selain mengeratkan silaturahim, sambutan tersebut secara tidak langsung juga dapat mengukuhkan kesepakatan dalam kalangan komuniti setempat.

"Mungkin sebelum ini ada dalam kalangan kita yang belum kenal antara satu sama lain, jadi selepas sambutan hari ini, kita semua akan saling kenal-mengenali.

"Dengan ini, maka terjalinlah satu ikatan silaturahim dan mengukuhkan kesepakatan dalam hidup bermasyarakat," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada majlis berkaitan baru-baru ini.

Pada sambutan tersebut, Ramasamy turut tidak kekok mengambil bahagian dalam beberapa acara sukaneka bersama-sama penduduk setempat.



**AKSI Prof. Dr. P. Ramasamy ketika mengambil bahagian dalam salah satu acara pada Sambutan Hari Bapa dan Sukaneka KADUN Perai 2018 di sini baru-baru ini.**



# Naik taraf sistem paip bawa manfaat 100 keluarga Taman Impian

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADUN**

**JAWI -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memperuntukkan RM110,000 untuk menukar sistem paip lama sepanjang 500 meter (m) di sekitar Taman Impian di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye memberitahu, projek penarafan itu akan membawa manfaat kepada lebih 100 keluarga di sekitar taman yang berusia lebih 30 tahun tersebut.

"Tekanan air perlahan dan bekalan air tidak benar-benar bersih mungkin kerana sistem paip jenis *galvanized* ini ada karat, mengakibatkan 2 inci (kira-kira 50 milimeter, mm) asal ukuran bahagian dalam menjadi sekecil 1 inci.

"Kerja-kerja penarafan telahpun dimulakan, mengikut jadual dijangka siap dalam tempoh satu bulan, yang mana kontraktor lantikan PBAPP akan menukar paip *galvanized* ini kepada paip 'plastik berwarna hitam' jenis HDBE supaya kalis karat," jelasnya dalam sidang media di Pusat Khidmat Rakyat ADUN Jawi di sini 16 Julai lalu.

Dalam perkembangan lain, Mooi Lye berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) segera menaik taraf sistem perparitan lama di 10 kawasan taman perumahan berusia lebih 30 tahun sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi.

Justeru, katanya, JPS dan Jabatan Kerja Raya (JKR) seharusnya mempertimbang cadangan untuk mewujudkan kolam takungan banjir serta menaik taraf sistem perparitan di taman-taman perumahan lama.

Tambah Mooi Lye, garis panduan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mensyaratkan pemajuan kolam takungan banjir bagi projek perumahan baru.

"Taman perumahan lama dulu, air banjir boleh simpan dalam hutan (terbiar berhampiran), tapi apabila kawasan hutan terbiar pun berubah jadi kawasan perumahan baru yang lebih tinggi serta dilengkapi kolam takungan banjir, akhirnya lambakan air hujan akan kembali membanjiri taman perumahan lama dengan sistem perparitan lama yang dibina oleh JKR.

"Yang paling penting, JPS dan JKR perlu berbincang bagaimana untuk menaik taraf sistem perparitan lama di kawasan taman-taman perumahan lama yang sering kali dilanda banjir ataupun limpahan air parit monsun," serunya yang juga bekas Ahli Majlis MPSP.

Tambah Mooi Lye, pihaknya berhasrat membawa isu berbangkit tersebut kepada Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari serta akan mengetengahkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang dijadualkan pada awal bulan Ogos ini.

Selain itu, beliau turut berharap Kerajaan Persekutuan pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) supaya tidak lagi menangguhkan pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bernilai RM6.2 juta di Parlimen Nibong Tebal terutama di KADUN Jawi.



PERBANDINGAN paip lama (kanan) dan baru (kiri).



JASON H'ng Mooi Lye (empat dari kiri) bergambar bersama-sama wakil-wakil berkaitan dan beberapa penduduk Taman Impian di sini baru-baru ini.

## HFMD, ADUN anjur 'misi kebersihan' babit sekolah dan prasekolah

**JAWI -** Berikutan penularan wabak penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) yang semakin membimbangkan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye mengambil inisiatif mengajurkan program khas kebersihan diri di beberapa sekolah rendah dan pra sekolah sekitar sini.

Program anjuran bersama hospital pakar swasta, *Bagan Specialist Centre* (BSC) itu turut menyelitkan elemen ceramah dan demonstrasi mengenai cara-cara mencuci tangan dengan betul sebagai langkah awal mengelakkan murid-murid daripada dijangkiti wabak berkenaan.

Menurut Mooi Lye, melalui siri ceramah dan demonstrasi tersebut, murid-murid dan guru dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan penyakit HFMD dan mempelajari kaedah terbaik kebersihan diri sekaligus dapat mengelakkan diri daripada dijangkiti.

"Pada 19 Julai (lalu), sebanyak dua sekolah lagi di kawasan ini telah diarahkan tutup akibat penularan penyakit HFMD serta sebuah prasekolah di kawasan Nibong Tebal.

"Oleh itu, saya bersama-sama BSC menganjurkan program ini untuk memberi kesedaran dan menambahkan lagi pengetahuan murid-murid serta juga guru berkaitan penyakit ini dan bagaimana untuk mencegahnya," ucapnya pada program berkaitan di Sekolah Kebangsaan Kelebang Jaya di sini 19 Julai lalu.

Difahamkan, sebanyak 12 sekolah termasuk prasekolah terlibat dalam program yang diadakan pada tempoh masa tertentu itu.

Penyakit HFMD disebabkan oleh jangkitan virus khasnya dari jenis *Coxsackie A16* dan *Enterovirus 71* (EV71), dan ia merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (blister) dan najis pesakit.

Antara gejala penyakit itu adalah demam, ruam *(maculopapular* dan *vesicles)* di tapak tangan, kaki dan ulser di mulut dan lidah, serta gejala dan tanda-tanda jangkitan saluran pernafasan atas (URTI).



PARA pelajar sekolah didedahkan dengan langkah pencegahan penularan HFMD bersempena program khas kebersihan diri anjuran ADUN Jawi dan BSC di sini baru-baru ini.

## Keluarga mangsa kebakaran terima bantuan ADUN

**AIR ITAM –** Lapan keluarga mangsa kebakaran di Makam Che Omar, Kampung Melayu akan ditempatkan di unit-unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Pinang secepat mungkin.

Perkara itu dimaklumkan sendiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang ketika melawat mangsa-mangsa tersebut di Dewan Rukun Tetangga Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

"Kita akan dapatkan tempat tinggal berkaitan kepada mereka secepat mungkin setelah masing-masing mengemukakan semua dokumen-dokumen penting yang diperlukan.

"Mangsa-mangsa yang terjejas ini turut menerima bantuan daripada Tabung Bencana TYT sebanyak RM1,000 (pada hari kejadian), manakala baki RM2,000 akan dimasukkan ke dalam akaun bank masing-masing berserta barangan keperluan seperti tilam, tikar, selimut dan sebagainya," katanya bersempena lawatan berserta penyampaian sumbangan barangan berkenaan.

Hadir sama, Penghulu Kawasan Air Itam, Nasrisal Nasib.

Selain bantuan tersebut, difahamkan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyampaikan sumbangan tunai sebanyak RM500 untuk setiap keluarga.



JOSEPH Ng Soon Siang (tengah) menyampaikan barangan keperluan harian kepada salah seorang mangsa di Dewan Rukun Tetangga Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

**Bakat Si Cilik - Mewarna 1 / 2018**

# saya anak MALAYSIA



Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Julai 2018** hingga **30 September 2018.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**